

**Kami pun tak akan menyerah kalah, ikrar puteri sulung Anwar**  
**The Malaysian Insider**  
**Feb 11, 2015**  
**OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Puteri sulung kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim, Nurul Izzah berikrar bagi meneruskan perjuangan untuk Malaysia yang lebih baik walaupun ayahnya kini terpenjara selama 5 tahun.

Naib Presiden PKR itu berkata, penganiayaan politik terhadap Anwar menerusi badan kehakiman menerusi tuduhan liwat berlaku kerana beliau merupakan ancaman nombor satu kepada kekuasaan parti pemerintah Umno.

"Kami yakin dengan kebenaran ini kerana sejarah dan peristiwa-peristiwa terkini terutamanya di Sri Lanka menunjukkan bahawa kemaraan kebebasan dan kebangkitan rakyat akhirnya akan berjaya," kata Nurul Izzah yang juga ahli Parlimen Lembah Pantai pada sidang media di kediaman Anwar di Kuala Lumpur hari ini.

"Bagi mereka yang merasakan kekuasaan dan kekayaan yang dibina melalui penindasan dan ketidakadilan boleh kekal selama-lamanya wajib sedar masa mereka sudah tamat."

Anwar dijatuhi hukuman 5 tahun penjara selepas Mahkamah Persekutuan semalam mengekalkan keputusan bersalah kerana meliwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan pada 2008.

Sebelum dibawa ke penjara semalam, Anwar menyerang panel 5 hakim yang menyabitkan beliau bersalah dan menuduh mereka "tunduk kepada tuan politik dan menjadi rakan jenayah dalam pembunuhan sistem kehakiman".

Anwar juga mengatakan penindasan terbaru terhadap dirinya itu tidak akan menyebabkan beliau menyerah kalah.

Video ucapan Anwar dari dalam kandang mahkamah menyerang panel 5 hakim yang diketuai Ketua Hakim Negara Tun Ariffin Zakaria menjadi viral di media sosial seperti Facebook.

Nurul Izzah berkata, apa yang berlaku semalam bukan semata-mata mengenai Anwar, tetapi dunia harus tahu terdapat penganiayaan yang jauh lebih besar dan tersusun sedang berlaku di Malaysia.

Katanya dunia perlu tahu suara-suara kebebasan sedang dianiaya menggunakan undang-undang keji zaman penjajah seperti Akta Hasutan 1948 sementara puak ekstremis dan isu perkauman dimainkan serta dilindungi.

"Dunia perlu tahu di Malaysia tiada kebebasan media. Dunia perlu tahu di Malaysia tiada pilihan raya bebas dan adil," katanya. – 11 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kami-juga-tidak-akan-menyerah-kalah-ikrar-puteri-sulung-anwar>